

DENGGI

Demam Denggi adalah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus denggi dan disebarkan melalui gigitan nyamuk Aedes.



TIADA UBAT KHUSUS YANG DAPAT MERAWAT DEMAM DENGGI KECUALI MENGAMALKAN LANGKAH-LANGKAH KAWALAN DAN PENCEGAHAN.

TANDA-TANDA

- Demam panas yang mengejut dan berterusan. Bintik-bintik merah pada kulit.
- Sakit teruk pada tulang-tulang, otot-otot,
- sendi-sendi, biji mata dan kepala. Pendarahan di kulit, hidung dan mulut.
- Hilang selera makan.
- Muntah-muntah.
- Sakit perut.
-

TABIAT NYAMUK AEDES

- Aedes boleh dikenali melalui belang hitam putih pada kakinya.
- Aedes selalu mengigit pada waktu pagi dan senja.
- Aedes membiak di dalam air jernih yang bertakung.
- Aedes membiak di tempat air bertakung di dalam dan luar rumah.
- Kitaran hidup Aedes dari telur, jentik-jentik, kepompong hingga nyamuk dewasa mengambil masa hanya satu minggu sahaja.

KAWALAN DAN PENCEGAHAN

A. Hapuskan Pemiakan Aedes

- Tutup semua bekas menyimpan air untuk mencegah nyamuk bertelur.
- Tukar air dan basuh sehingga bersih pasu bunga, alas pasu, kolah mandi, dan sebagainya seminggu sekali.
- Bersihkan saluran air hujan (saluran bumbung) daripada air bertakung.
- Pastikan tempat yang boleh menampung air seperti tayar buruk, botol atau tin kosong dibuang untuk mengelak menjadi tempat pembiakan Aedes.
- Tanam semua benda/bekas yang boleh menampung air seperti botol kosong, tin kosong, bekas plastik dan sebagainya.
- Masukkan ubat pembunuh jentik-jentik (TEMPEHOS) mengikut sukatan yang ditetapkan. (10 gm untuk 20 gelen air) tiga bulan sekali.

B. Hapuskan Nyamuk Dewasa

- Gunakan racun serangga (*aerosol*) di rumah. Pasang jejaring nyamuk pada tingkap.
-

**HAPUSKAN
AEDES**
Memang mudah

Diterbitkan Oleh:
Cawangan Penyakit
Bawaan Vektor,
Kementerian
Kesihatan Malaysia



Tel : 03-8888 6252 Faks : 03-8888 6251

SEGERA DAPATKAN RAWATAN JIKA TERDAPAT
SEBARANG TANDA-TANDA DEMAM DENGGI

Untuk keterangan lanjut sila hubungi
Pejabat Kesihatan yang berdekatan